

Renang pecah 29 rekod, Zheng Yang raih lima pingat emas

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Sembilan lagi rekod temasya diatasi pada hari terakhir renang Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 hari ini, sekaligus menjadikan 29 rekod keseluruhan berjaya dilakukan sepanjang tiga hari saingan.

Perenang Universiti Taylor, Yeap Zheng Yang berada dalam kelas tersendiri apabila mengondol lima pingat emas, termasuk tiga dalam saingan individu, malah turut mencipta rekod temasya.

Zheng Yang yang juga perenang kebangsaan memenangi emas 400 meter gaya bebas lelaki menerusi catatan 4 minit 2.07 saat, mengetepikan Wong Jun Bin dari Kolej Antarabangsa INTI di tempat kedua, manakala rakan sepasukan Yang Yeap, Foong Wei Tze ketiga.

Kuartet 4x100m gaya bebas lelaki Taylor turut mencipta rekod temasya selepas mencatat masa 3:33.22s untuk memadam rekod lama, 3:41.10s yang dicipta pada 2014.

Turut mencatat nama sebagai pemenang emas dan pencipta rekod adalah Jordan Yip juga dari Taylor dengan catatan 2:7.60s dalam 200m rampaian individu lelaki menerusi catatan 2:7.60s, yang juga rekod baharu temasya. Catatan lama 2:12.56s.

Seteru utama Taylor di kolam renang, Universiti Sunway tidak kurang hebatnya apabila mengondol tiga emas



pada hari terakhir.

Caroline Chan mengetuai kejayaan Sunway dengan mengungguli acara 50m kuak lentang wanita menerusi catatan rekod temasya, 30.72s, manakala Carynn Kay memenangi saingan 200m kuak dada wanita (3:00.07s). Satu lagi emas mereka disumbangkan kuartet 4x100m gaya bebas wanita.

Teru Jian Han dari Universiti Malaya (UM) pula menebus kegagalannya yang sekadar meraih perak acara 200m rampaian individu lelaki dengan menghadiahkan emas 50m kuak lentang dengan catatan 26.55s, meninggalkan Ian James Barr di tempat kedua, manakala seorang lagi perenang Taylor, Chan Yang ketiga.

Perenang Universiti Teknologi Mara (UiTM), Asmalia Filzati Redzuan tidak pulang dengan tangan kosong apabila memenangi saingan 100m gaya bebas wanita dengan rekod temasya 59.86s.

Secara keseluruhan, Universiti Taylor memenangi 12 pingat emas, diikuti Universiti Sunway yang merangkul 11 emas daripada 40 pingat yang dipertandingkan.



KUARTET Universiti Sunway bersama pingat emas yang dimenangi bagi acara 4x100m gaya bebas wanita dalam SukiPT 2018 di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil, semalam.